

# BAB SATU

## PENDAHULUAN

### 1.0 PENGENALAN

Sejarah telah mencatatkan bagaimana kuasa penjajah British di Alam Melayu telah menjalankan dasar campur tangan dalam soal agama khususnya di Tanah Melayu.<sup>1</sup> Malah pihak penjajah British cuba menghapuskan potensi dan mekanisme penggerak yang terdapat di dalam agama Islam.<sup>2</sup> Pemahaman sarjana orientalis yang merangkap pentadbir British didasari oleh ideologi berteraskan pendekatan kajian orientalis klasik, yang jelas sangat memusuhi Islam. Golongan ini juga berpegang kepada teori Darwin dalam menilai kedudukan bangsa selain Eropah dengan sisi pandangan yang sangat negatif terutamanya bangsa yang menganut agama Islam, antaranya menganggap sistem hukum Islam yang diamalkan dalam masyarakat sebagai zalim, kejam, ketinggalan zaman dan tidak berperikemanusiaan berbanding dengan sistem undang-undang Barat.<sup>3</sup>

---

<sup>1</sup> Anwar Din (ed.) (2007), *Asas Kebudayaan dan Kesenian Melayu*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hh. 35-48.

<sup>2</sup> Rahimin Affandi Abdul Rahim (2010), "Genre Orientalisme dan Sejarah Islam di Alam Melayu: Satu Analisa Kritikal", (Kertas kerja Persidangan Serantau Pendidikan Islam 2010, Anjuran Jabatan Pengajian Islam Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris pada 24 Julai 2010 di Hotel Holiday Inn Shah Alam), hh. 1-16.

<sup>3</sup> Rahimin Affandi Abdul Rahim (2006), "Kebudayaan Melayu dan Islam di Nusantara: Suatu Analisis Pengkaedahan", dalam Md. Saleh Md@ Ahmad *et al.* (ed.), *Hukum Islam & Budaya Tempatan*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, hh. 21-27.

## 1.1 LATAR BELAKANG MASALAH

R.O. Winstedt merupakan salah seorang dari pentadbir British yang pernah berkhidmat di Tanah Melayu.<sup>4</sup> Beliau juga merupakan seorang orientalis yang menjalankan kajian mengenai masyarakat di Tanah Melayu meliputi sejarah, budaya, kesusasteraan dan yang berkaitan dengan agama Islam seperti undang-undangnya.<sup>5</sup> Matlamat utama orientalis adalah untuk memisahkan para penganut Islam dari asas-asas akidah dengan menjadikan agama itu tidak berperanan besar dalam kehidupan mereka.<sup>6</sup> Di Tanah Melayu khususnya, golongan ini meletakkan Islam sekadar berperanan dalam jurusan ibadat dan upacara-upacara agama sahaja seperti hal-hal berkaitan perkahwinan.<sup>7</sup>

Bentuk pemikiran golongan ini didasari oleh pendekatan kajian orientalis klasik. Pendekatan tersebut beranggapan Islam bukan merupakan wahyu Allah SWT sebaliknya adalah ciptaan sendiri Rasulullah SAW<sup>8</sup> berdasarkan pengalaman dan interaksi dengan tamadun luar. Selain itu, terdapat banyak prinsip jika dilihat kepada asal usulnya telah

---

<sup>4</sup> Sila lihat Winstedt, R.O. (1961), *The Malay: A Cultural History*, London: Routledge & Kegan Paul Ltd dan Winstedt, R.O. (1988), *A History of Malaya*, Kuala Lumpur: Marican & Sons.

<sup>5</sup> Muhammad Salleh (1989), "Richard Winstedt: Sarjana Atau Penulis Kolonial?", (Kertas kerja Persidangan Seminar Sarjana Kesusasteraan Melayu Antarabangsa, Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka pada hari Isnin, 3 April 1989), hh. 1-12.

<sup>6</sup> Hashim Musa (2001), *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam: Ke Arah Pembinaan Sebuah Tamadun Dunia Alaf Ketiga*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 3.

<sup>7</sup> Mohd Noor Daud (2010), "Kritikan Terhadap Kecelaruhan Fahaman Islam Liberal Dalam Pengajian Islam: Satu Analisis Dalam Bab Munakahat", (Kertas kerja Persidangan Serantau Pendidikan Islam 2010, Anjuran Jabatan Pengajian Islam Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris pada 24 Julai 2010 di Hotel Holiday Inn Shah Alam), hh. 2-15.

<sup>8</sup> Dalam soal ini Charles J. Adams mengatakan *virtually all western scholarship almost without stopping to consider, considers Muhammad and his teaching to be result of historical and personality factors rather than of devine activity*. Lihat Adams, C.J (1975), "Islam", dalam *A Reader's guide to the great Religions*, New York: McGraw Hill Book, h. 414.

ditiru daripada kitab agama Yahudi dan Kristian.<sup>9</sup> Atas dasar inilah orientalis mendakwa Islam adalah pecahan daripada mazhab agama Yahudi dan Kristian yang sesat.<sup>10</sup> Malah golongan ini juga menegaskan bagaimana kesengsaraan manusia sepanjang kehidupan mereka adalah disebabkan kerana tertipu dengan konsep ketuhanan yang dibawa oleh sesuatu agama, yang jelas dijadikan sebagai perisai legitimasi bagi sesuatu institusi masyarakat dalam menuntut manusia untuk memberikan ketaatan mereka.<sup>11</sup>

Ketika di Tanah Melayu, Winstedt cuba melakukan pelbagai perubahan di luar penerimaan masyarakat Melayu dengan menggunakan pandangan peribadinya yang konservatif terhadap agama Islam seperti dakwaan bahawa hanya kuasa Barat sahaja yang mampu memberi kemajuan dan kemodenan kepada manusia, bukan Islam.<sup>12</sup> Semasa Winstedt menjawat jawatan sebagai Pengarah Pendidikan Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1923, beliau telah melakukan sekatan ke atas segala bentuk penulisan keagamaan yang boleh membangkitkan semangat keislaman di kalangan masyarakat Islam di Tanah Melayu.<sup>13</sup>

---

<sup>9</sup> Katsch, A.I. (1962), *Judaism and the Koran: Biblical and Talmunic Background of the Koran and Commentaries*, New York: t.p, h. i.

<sup>10</sup> Said, Edward W. (1977), *Orientalism*, London: Penguin, hh. 113-159.

<sup>11</sup> Idris Zakaria (1999), "Intelek Eropah dan Penentangan Terhadap Agama", dalam *Al-Maw'izah*, bil. 7, hh. 15-21.

<sup>12</sup> Lihat Winstedt R.O. (1961), *Op.cit*, h. 231.

<sup>13</sup> Adnan Nawang (2009), *Za'ba dan Melayu*, c.2, Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, h. 18.

Winstedt juga berpandangan bahawa tamadun Barat sebagai lebih tinggi dan agung berbanding dengan keadaan masyarakat Timur.<sup>14</sup> Pencapaian tersebut adalah disebabkan penerimaan fahaman sekularisme yang menolak kepentingan agama di dalam kehidupan manusia.<sup>15</sup> Sebaliknya masyarakat Timur yang masih berpegang kepada agama dianggap sebagai mundur, bebal, bodoh dan tidak bertamadun yang seharusnya ditamadunkan oleh masyarakat Eropah melalui proses penjajahan.<sup>16</sup> Malahan, tugas menjajah demi untuk mengajar masyarakat Timur ini telah dianggap sebagai tanggungjawab sosial yang terpaksa dimainkan oleh masyarakat Eropah.<sup>17</sup> Selain itu, Winstedt juga beranggapan Islam yang dianuti oleh masyarakat di Tanah Melayu adalah Islam yang diselaputi dengan unsur-unsur Hinduisme, yang penuh dengan mistik dan mitos.<sup>18</sup>

Sebelum kajian ini melangkah lebih jauh, ingin pengkaji perjelaskan bahawa kepakaran Winstedt adalah lebih kepada kajian mengenai sejarah, masyarakat, budaya dan kesusasteraan berbanding fokus kajian iaitu undang-undang Islam. Karya-karyanya menjadi bukti kepada kepakaran tersebut. Namun, terdapat juga di dalam sebahagian karya

---

<sup>14</sup> Dalam soal ini Winstedt dengan fanatiknya telah menegaskan : *Though his very name has been forgotten at Kuala Kangsar, Captain James Low was the saviour of Perak.. and along with the name of Low, Perak ought to enscribe in the letters of gold the name Robert Fullerton, Governor of Prince of Wales Island, Singapore and Malacca.* Lihat Winstedt, R.O. (1934), "A History of Perak", dalam *JMBRAS*, v. 12, pt. 1, h. 73.

<sup>15</sup> Zainal Kling (1994), "Antropologi Tafsiran: Sumbangan Kebudayaan Melayu Kepada Teori", dalam *Syarahana Perdana Untuk Pengukuhan Profesor*, Kuala Lumpur, t.p, hh. 12-13.

<sup>16</sup> Sebagai contohnya Frank Swettenham menyatakan bagaimana Raja Muda Abdullah telah meminta kuasa British untuk campurtangan di Negeri Perak dengan tujuan: *to teach him how to rule this unruly country, but the circumstances alone made that interference the duty of the paramount power.* Lihat Swettenham, Frank (1893), *About Perak*, Singapura: Straits Times Press, hh. 5-9.

<sup>17</sup> Winstedt, R.O. (1934), *Op.cit*, h. 73.

<sup>18</sup> Winstedt, R.O. (1925), *Shaman, Saiva and Sufi: A Study of the Evolution of Malay Magic*, London: Constable, hh. 13-14.

beliau pandangan-pandangan mengenai undang-undang Islam, cuma pandangan tersebut tidak banyak diperkatakan secara langsung.

## **1.2 PERSOALAN KAJIAN**

Kita sudah mengetahui bagaimana pihak penjajah British telah menjajah Tanah Melayu. Penjajahan tersebut termasuklah sekali dengan campur tangan berkenaan undang-undang Islam. Setiap pandangan yang dilontarkan oleh pihak orientalis merangkap pihak penjajah British ketika itu berat sebelah. Sikap tersebut berpunca dari semangat perang Salib yang berlaku sebelum ini sehingga mempengaruhi pandangan tersebut. Pihak orientalis termasuk Winstedt menggunakan pendekatan kajian orientalis klasik untuk memahami selok-belok mengenai Islam. Justeru, pengkaji ingin mengetahui apakah bentuk persamaan pemikiran Winstedt dengan sarjana orientalis terdahulu, seterusnya mengupas elemen khusus dalam pemikiran yang didokong oleh Winstedt berdasarkan pendekatan tersebut. Bertitik tolak dari situlah, pendekatan tersebut telah mempengaruhi Winstedt dalam menilai undang-undang Islam ketika tempoh perkhidmatan beliau di Tanah Melayu. Permasalahan yang timbul adalah kepakaran beliau lebih kepada kajian sejarah, masyarakat, budaya dan kesusasteraan. Penulisan beliau lebih menjurus kepada kepakarannya. Tetapi terdapat juga pandangan beliau mengenai undang-undang Islam. Persoalannya adakah beliau benar-benar memahami agama Islam, sehingga melayakkan beliau untuk mengeluarkan sebarang pandangan berkenaan undang-undang Islam tanpa melibatkan sikap berat sebelah.

### **1.3 OBJEKTIF KAJIAN**

- 1) Mengenal pasti pendekatan kajian orientalis terhadap Islam yang menjadi pegangan sarjana pentadbir British.
- 2) Mengkaji persamaan bentuk pemikiran R.O. Winstedt dengan sarjana orientalis terdahulu.
- 3) Menganalisis pandangan R.O. Winstedt terhadap undang-undang Islam di Tanah Melayu.

### **1.4 KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini cuba mencari kebenaran berkaitan pandangan R.O. Winstedt berkenaan undang-undang Islam di Tanah Melayu. Adakah beliau sangat memahami Islam apabila ingin mengeluarkan sebarang pandangan tanpa melibatkan sudut pertimbangan yang berat sebelah, memandangkan kepakaran beliau bukan dalam kajian undang-undang Islam. Pada sudut pandangan ahli akademik Barat, Winstedt dianggap sebagai pengkaji yang benar-benar memahami masyarakat di Tanah Melayu khususnya yang beragama Islam. Ini terbukti apabila karya-karya beliau berkenaan masyarakat Melayu dan Islam di Tanah Melayu telah dijadikan rujukan di kalangan pengkaji yang ingin memahami masyarakat Melayu Islam ketika itu sehingga sekarang.

## 1.5 SKOP KAJIAN

Kajian ini memfokuskan kepada pandangan R.O. Winstedt terhadap undang-undang Islam di Tanah Melayu ketika dalam tempoh perkhidmatannya. Antara rujukan utama pengkaji adalah dari buku tulisan Winstedt sendiri yang bertajuk *The Malay: A Cultural History*, *Shaman, Saiva and Sufi: A Study of the Evolution of Malay Magic*, *A History of Malaya* dan *Kitab Tawarikh Melayu*. Keempat-empatnya merupakan rujukan utama dalam mencari maklumat yang tepat mengenai pandangan Winstedt terhadap undang-undang Islam, selain ingin mengetahui persamaan bentuk pemikiran beliau dengan sarjana orientalis terdahulu. Selain dari rujukan di atas, pengkaji turut merujuk karya-karya penulisan Winstedt lain yang berkaitan dengan bidang kajian. Sebelum dilakukan kajian dengan lebih mendalam, pengkaji memfokuskan terlebih dahulu kepada pendekatan kajian orientalis terhadap Islam, kerana pendekatan tersebut merupakan titik tolak dalam membentuk pemikiran Winstedt khususnya dalam menilai undang-undang Islam di Tanah Melayu.

## 1.6 ULASAN KAJIAN LEPAS

Berdasarkan tajuk kajian “*Pandangan R.O. Winstedt Terhadap Undang-undang Islam di Tanah Melayu*” ini, terdapat banyak kajian-kajian lepas yang telah menyentuh secara langsung atau tidak langsung mengenainya. Kajian-kajian yang dimaksudkan itu terdapat dalam bentuk buku-buku ilmiah, jurnal, tesis, laporan-laporan, kertas persidangan dan sebagainya. Pengkaji telah membahagikannya mengikut subtopik-subtopik yang tertentu, iaitu:

- 1) Kajian-kajian yang mengkaji tentang pendekatan orientalis terhadap Islam secara umum.

Kajian-kajian jenis ini dapat dilihat dalam beberapa buah karya seperti *Menyeberangi Sejarah*<sup>19</sup>, *Islam; Subverting Islam: The Role of Orientalist Centers*<sup>20</sup>, *Preliminary Statement on A General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago*<sup>21</sup>, *Islam dan Orientalis*,<sup>22</sup> *Orientalisme dan Kajian Tentang Islam*<sup>23</sup>, *Orientalisme dan Islam*<sup>24</sup> dan *Orientalisme: Al-Quran di Mata Barat*<sup>25</sup> dan *Sejarah Melayu: Satu Kajian Daripada Aspek Pensejarahan Budaya*<sup>26</sup>. Koleksi buku-buku tersebut membicarakan tentang pendekatan kajian orientalis terhadap Islam dalam bentuk umum. Kajian yang terdapat di dalamnya merangkumi sejarah terbentuknya ideologi tersebut, motif, penyelewengan yang terdapat di dalamnya, dan penerangan serba sedikit mengenai tokoh-tokoh orientalis termasuk Winstedt.

---

<sup>19</sup> Muhammad Salleh (1942), *Menyeberangi Sejarah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

<sup>20</sup> Ahmad Ghorab (1996), *Subverting Islam: The Role of Orientalist Centers*, London: Minerva.

<sup>21</sup> S.M. Naquib al-Attas (1969), *Preliminary Statement on A General Theory of The Islamization of The Malay-Indonesian Archipelago*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

<sup>22</sup> Mariam Jamilah (1997), *Islam dan Orientalis*, c. 2, Jakarta: PT RajaGrafindo Persada.

<sup>23</sup> Muin Umar (1978), *Orientalisme dan Kajian Tentang Islam*, Jakarta: Bulan Bintang.

<sup>24</sup> Joesoef Sou'yb H.M. (1985), *Orientalisme dan Islam*, Jakarta: P.T. Bulan Bintang,.

<sup>25</sup> Mohd Natsir Mahmud (1997), *Orientalisme: Al-Quran di Mata Barat (Sebuah Studi Evaluatif)*, Semarang: Dina Utama.

<sup>26</sup> Haron Daud (1989), *Sejarah Melayu: Satu Kajian Daripada Aspek Pensejarahan Budaya*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



Di samping itu, terdapat sebuah buku berbahasa Inggeris yang bertajuk *Orientalism*<sup>27</sup> yang ditulis oleh Edward Said. Pengkaji agak tertarik dengan buku tersebut kerana berdasarkan penilaian, walaupun Edward Said merupakan penulis yang berasal daripada Barat, perbincangan dalam kajiannya dilihat tidak bersifat berat sebelah. Ulasannya berkaitan orientalis juga begitu terperinci merangkumi sejarah perkembangan, skop, struktur pemikiran dan sebagainya. Walau bagaimanapun, pendekatan kajian yang digunakan oleh orientalis diterangkan secara umum tanpa memperincikannya.

- 2) Kajian-kajian yang mengkaji pendekatan orientalis terhadap Islam di Tanah Melayu secara khusus.

Terdapat beberapa buah kajian yang mengkaji pendekatan orientalis terhadap Islam di Tanah Melayu secara khusus seperti *Seeds of Separatism: Educational Policy in Malaya 1874 - 1940*,<sup>28</sup> *The Protected Malay States 1874-1895*<sup>29</sup> dan *Kelas Menengah Melayu*<sup>30</sup>. Kajian-kajian tersebut membincangkan tentang kedudukan masyarakat Melayu dalam konteks pemahaman orientalis iaitu masyarakat Melayu diletakkan dalam kategori masyarakat kelas bawahan berdasarkan heiraki yang diambil daripada teori Darwin. Berkaitan undang-undang Islam, perbincangan dibuat secara umum sahaja. Selain itu, terdapat sebuah jurnal yang bertajuk *Orientalisme dan*

---

<sup>27</sup> Said, Edward W. (1977), *Op.cit.*

<sup>28</sup> Loh Fook Seng, Philip (1974), *Seeds of Separatism: Educational Policy in Malaya 1874 -1940*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.

<sup>29</sup> Sadka, Emily (1970), *The Protected Malay States 1874-1895*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

<sup>30</sup> Nordin selat (1976), *Kelas Menengah Melayu*, Kuala Lumpur: Utusan Melayu Sdn. Bhd.

*Keutuhan Ummah Islam: Satu Analisa*<sup>31</sup> dan sebuah kertas kerja yang dibentangkan iaitu *Genre Orientalisme dan Sejarah Islam di Alam Melayu: Satu Analisa Kritikal*<sup>32</sup> yang turut membincangkan perkara yang sama. Namun, kajian-kajian tersebut tidak menekankan pengkajian tokoh seperti Winstedt, ianya lebih berkisarkan kepada pendekatan orientalisme dan perkembangan Islam di Tanah Melayu secara umum. Walau bagaimanapun, ianya sesuai dijadikan rujukan terutama untuk memahami pendekatan orientalisme.

Pada tahun 1977, Syed Hussein Alatas telah menghasilkan sebuah karya yang bertajuk *The Myth of the Lazy Native*.<sup>33</sup> Karya tersebut membincangkan mengenai tanggapan para penjajah tentang kemalasan golongan peribumi yang merangkumi Tanah Melayu, Jawa dan Filipina. Penulis karya ini juga menyatakan tentang pendekatan yang digunakan oleh orientalis dalam membuat penilaian terhadap masyarakat khususnya di Tanah Melayu, tetapi perbincangan tersebut berbentuk umum kerana ia lebih berkisar kepada isu kemalasan masyarakat berbanding undang-undang Islam. Shamsul Amri Baharuddin pula pada tahun 2011, telah menghasilkan sebuah karya yang turut membincangkan pendekatan orientalis terhadap Islam tetapi perbincangan tersebut sekadar dalam konteks intelektual

---

<sup>31</sup> Rahimin Affandi Abd Rahim (2000), *Orientalisme dan Keutuhan Ummah Islam: Suatu Analisis*, dalam *Jurnal Syariah*, j. 9, bil. 1.

<sup>32</sup> Rahimin Affandi Abd Rahim (2010), *Op.cit.*

<sup>33</sup> Syed Hussein Alatas (1977), *The Myth of the Lazy Native: A Study of the Image of the Malays, Filipinos, and Javanese from the Sixteenth to the Twentieth Century and its Functions in the Ideology of Colonial Capitalism*, London: Frank Cass.

sahaja. Karya tersebut bertajuk *Ilmu Kolonial Dalam Pembentukan Sejarah Intelektual Malaysia: Sebuah Pandangan*.<sup>34</sup>

Terdahulu dari kajian yang dibuat oleh Shamsul Amri Baharuddin, iaitu pada tahun 2005, terdapat sebuah kajian yang bertajuk *Tradisi Pemerintahan Islam dan Kolonialisme dalam Sejarah Alam Melayu*.<sup>35</sup> Ianya merupakan kajian berbentuk pertengahan di dalam menilai pendekatan orientalis terhadap Islam di Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, penulis kajian tersebut lebih memfokuskan mengenai pendekatan kolonialisme dan pembaratan undang-undang Islam di Tanah Melayu.

- 3) Kajian-kajian yang mengkaji tentang persamaan bentuk pemikiran R.O. Winstedt dengan sarjana orientalis terdahulu.

Terdapat beberapa buah kajian berbahasa Melayu yang mengkaji persamaan bentuk pemikiran di antara Winstedt dengan sarjana orientalis terdahulu antaranya *Za'ba dan Melayu*<sup>36</sup> dan *Tradisi Pemerintahan Islam & Kolonialisme Dalam Sejarah Alam Melayu*. Kajian-kajian tersebut membincangkan tentang bagaimana bentuk perjuangan masyarakat Melayu dalam menuntut pembebasan dari cengkaman penjajah Barat merangkumi kedudukan sebagai penduduk peribumi, pelajaran dan yang paling utama agama Islam. Kedua-dua karya tersebut turut membincangkan

---

<sup>34</sup> Shamsul Amri Baharuddin (2011), "Ilmu Kolonial Dalam Pembentukan Sejarah Intelektual Malaysia: Sebuah Pandangan", dalam *Siri Kertas Kajian Etnik UKM*, bil. 17, Bangi: Institut Kajian Etnik (KITA) Universiti Kebangsaan Malaysia.

<sup>35</sup> Auni Abdullah (2005), *Tradisi Pemerintahan Islam & Kolonialisme Dalam Sejarah Alam Melayu*, Kuala Lumpur: Darul Fikir Sdn. Bhd.

<sup>36</sup> Adnan Nawang (2009), *Op.cit.*

tentang perbandingan bentuk pemikiran Winstedt dengan orientalis terdahulu, tetapi penulis karya-karya ini tidak menjadikannya sebagai perbincangan khusus, sekadar penjelasan berbentuk umum dan ringkas sahaja.

- 4) Kajian-kajian yang mengkaji tentang pandangan R.O. Winstedt terhadap Islam di Tanah Melayu.

Berkaitan subtopik di atas, terdapat satu kertas persidangan yang dibentangkan oleh Muhammad Hj. Salleh yang bertajuk *Richard Winstedt: Sarjana Atau Penulis Kolonial?*.<sup>37</sup> Di dalamnya terdapat maklumat penting mengenai latar belakang Winstedt dan penghuraian ringkas mengenai bentuk pemikiran Winstedt. Terdapat juga beberapa buah buku lama sebelum kajian Muhammad Hj. Salleh tersebut yang turut membahaskan perkara yang sama iaitu *Malayan and Indonesian Studies: Essays Presented to Sir Richard Winstedt on His Eighty Fifth Birthday*<sup>38</sup> dan *Obituary: Sir Richard Winstedt* dalam *Bulletin of the School of Oriental and African Studies*.<sup>39</sup> Kedua-dua buku tersebut membincangkan tentang sejarah perjalanan hidup Winstedt khususnya semasa dalam tempoh penjawatan beliau di Tanah Melayu, hasil penulisan, bentuk pemikiran dan pandangan peribadi mengenai masyarakat Melayu. Walau bagaimanapun, senarai bahan-bahan rujukan di atas sekadar menghuraikan secara ringkas mengenai bentuk pemikiran Winstedt tanpa

---

<sup>37</sup> Muhammad Salleh (1989), *Op.cit.*

<sup>38</sup> Bastin, John Sturgus (ed.) (1964), *Malayan and Indonesian Studies: Essays Presented to Sir Richard Winstedt on His Eighty Fifth Birthday*, Oxford: Clarendon Press.

<sup>39</sup> Barrett, E.C.G. (1967), *Obituary: Sir Richard Winstedt*, dalam *Bulletin of the School of Oriental and African Studies*, v. 30, London: University of London.

menjurus secara khusus tentang pandangan beliau terhadap undang-undang Islam di Tanah Melayu.

Berdasarkan ulasan kajian-kajian lepas berikut, pengkaji telah membuat kesimpulan bahawa terdapat ruang kajian yang belum diisi oleh mana-mana pengkaji iaitu berkenaan pandangan R.O. Winstedt terhadap undang-undang Islam di Tanah Melayu secara khusus. Pengkaji juga mendapati kajian-kajian lepas yang mengkhususkan kepada seseorang tokoh orientalis Barat agak kurang berbanding kajian tokoh-tokoh di bidang yang lain. Oleh yang demikian, pemilihan R.O. Winstedt sebagai fokus kajian dinilai pengkaji amat bersesuaian tanpa melupakan bentuk pemikiran orientalis terdahulu seperti Snouck Hurgronje, Ignaz Goldziher, Joseph Schacht dan lain-lain orientalis sebagai subjek perbandingan dalam perbincangan undang-undang Islam khususnya di Tanah Melayu.

## **1.7 METODOLOGI PENYELIDIKAN**

Metodologi penyelidikan merupakan aspek yang sangat penting dalam memastikan sesuatu kajian itu bersifat sistematik dan tersusun rapi.<sup>40</sup> Dalam kajian ini, tiga metode utama digunakan oleh pengkaji, iaitu:

1. Metode Penentuan Subjek
2. Metode Pengumpulan Data
3. Metode analisis Data

---

<sup>40</sup> Mohd Shafie Abu Bakar (1991), *Metodologi Penyelidikan Untuk Ekonomi dan Bidang-bidang Berkaitan*, e.2, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 12.

### **1.7.1 Metode Penentuan Subjek**

Pengkaji menjadikan R.O. Winstedt sebagai rujukan khusus kepada kajian ini. Beliau merupakan sarjana pentadbir British yang pernah berkhidmat di Tanah Melayu. Pemilihan tokoh ini adalah untuk mengkaji pandangan beliau terhadap undang-undang Islam di Tanah Melayu dan persamaan bentuk pemikiran beliau dengan sarjana orientalis terdahulu seperti Snouck Hurgronje, Ignaz Goldziher dan Joseph Schacht sehingga mendasari pandangan peribadi beliau terhadap undang-undang Islam di Tanah Melayu.

### **1.7.2 Metode Pengumpulan Data**

Metode ini merupakan suatu usaha yang dilakukan dengan cara mengumpul data dan membuat tafsiran terhadap data yang telah dikumpulkan. Pemilihan dan penggunaan data yang tepat akan dapat menghasilkan suatu kajian yang lebih bernilai. Antara metode yang digunakan untuk proses pengumpulan data ialah:

1. Kajian Dokumentasi
2. Temubual

#### **1.7.2.1 Kajian Dokumentasi**

Metode ini merupakan kaedah pengumpulan data yang diperolehi melalui rujukan-rujukan ilmiah yang berbentuk primer dan sekunder seperti buku-buku, tesis, kertas kerja, jurnal, artikel, majalah dan sebagainya. Pemilihan yang rapi terhadap keautoritian bahan rujukan

ini sangat penting bagi memastikan kesahihan fakta yang diperolehi.<sup>41</sup> Oleh kerana kajian pengkaji berbentuk kajian perpustakaan, maka keperluan untuk proses pendokumentasian adalah diperlukan untuk memenuhi kajian.

Di antara perpustakaan-perpustakaan ini ialah Perpustakaan Negara, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Za'ba Universiti Malaya, Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Perpustakaan Awam Pusat Islam, Perpustakaan Universiti Teknologi Mara Alor Gajah Kampus Melaka dan sebagainya.

#### **1.7.2.2 Temubual**

Metode ini digunakan oleh pengkaji dalam bab ketiga dan keempat untuk mendapatkan maklumat secara lebih tepat dan terperinci berkaitan kajian. Untuk menyempurnakan kajian ini, pengkaji telah menemui beberapa individu yang berautoriti untuk ditemubual. Bagi memastikan metode ini memenuhi keperluan objektif kajian, beberapa kaedah telah dijalankan:

- (1) Pengkaji mengaturkan temujanji terlebih dahulu dengan responden yang memiliki kepakaran di dalam bidang yang dikaji. Ini bagi memastikan mereka dapat meluangkan masa yang terbaik untuk proses temubual. Responden tersebut adalah:
  - a. Prof. Dr. Abd Jalil bin Borham, Dekan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang (UMP).<sup>42</sup>

---

<sup>41</sup> Mohd Shafie Abu Bakar (1991), *Op.cit*, h. 41.

b. Prof. Dr. Adnan bin Nawang, pensyarah di Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).<sup>43</sup>

- (2) Pengkaji telah membahagikan proses temubual ini kepada dua sesi yang utama, dimulakan dengan (i) sesi pengenalan yang menjelaskan maksud dan tujuan kajian secara langsung dan (ii) sesi temubual sebenar yang lebih serius dan fokus kepada isi kandungan kajian yang dibuat.
- (3) Untuk memastikan kebolehpercayaan maklumat dan kedudukan responden tidak terjejas, pengkaji telah memaklumkan kepada responden mengenai objektif kajian dan penyediaan soalan-soalan yang rapi, terancang dan dihantar lebih awal daripada waktu janji temu bagi memastikan perjalanan temubual berjalan lancar dan bersistematik. Ini mengambil kira etika persetujuan berpengetahuan (*informed consent*) seperti mana ditegaskan di dalam *code of ethical conduct for research involving humans*. Di samping itu, terdapat juga soalan spontan yang digunakan akibat daripada beberapa isu dan jawapan yang telah diberikan oleh responden.

---

<sup>42</sup> Berikut merupakan beberapa buah karya yang telah dihasilkan oleh Prof. Dr. Abd Jalil Borham, antaranya Abd Jalil Borham (2002), *Pengantar Perundangan Islam*, Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, Abd Jalil Borham (2002), *Majalah Ahkam Johor: Latar Belakang, Pelaksanaan dan Komentari*, Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, Abd Jalil Borham (2002), *Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri Johor*, Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia dan Abd Jalil Borham (2012), “Tulisan Jawi: Tulisan Serantau”, (Kertas kerja Persidangan Seminar Tulisan Jawi dan Teknologi Peringkat Kebangsaan 2012, Anjuran Universiti Malaysia Pahang di Dewan Astaka, Universiti Malaysia Pahang pada 18 Oktober 2012).

<sup>43</sup> Berikut merupakan beberapa buah karya yang telah dihasilkan oleh Prof. Dr. Adnan Nawang, antaranya Adnan Nawang (2009), *Za'ba dan Melayu*, c. 2, Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, Adnan Nawang (1994), *Za'ba: Patriot dan Pendeta Melayu*, Kuala Lumpur: Yayasan Penataran Ilmu dan Adnan Nawang (1997) *Kuala Lumpur Dari Perspektif Haji Abdullah Hukum*, Kuala Lumpur: Berita Publishing.



- (4) Temubual ini dilakukan secara terancang dengan menggunakan perakam suara bagi merekod segala maklumat dan kemudiannya pengkaji akan mengubahkannya dalam bentuk penulisan.<sup>44</sup>

### **1.7.3 Metode Analisis Data**

Setelah segala data yang diperlukan diperolehi dan terkumpul melalui metode-metode yang telah disebutkan sebelum ini, maka pengkaji mengadakan pengolahan data dan menganalisisnya. Dalam menganalisis data, pengkaji menggunakan metode-metode berikut:

1. Metode Pensejarahan
2. Metode Perbandingan
3. Metode Analisis Kandungan

#### **1.7.3.1 Metode Pensejarahan**

Metode ini merujuk kepada kajian suatu permasalahan dari sudut sejarahnya. Metode ini menggunakan kronologi dan latar belakang sejarah untuk mengetahui asal usul sesuatu perkembangan dengan merujuk kepada bukti-bukti dan fakta sejarah dari sumber yang berstatus primer dan sekunder dalam bidang berkaitan.<sup>45</sup> Pengkaji menggunakan metode ini dalam mengenal pasti pendekatan orientalis terhadap Islam yang meliputi tiga peringkat

---

<sup>44</sup> Lihat Janesik Velerie J. (1994), "The dance of qualitative research design", dalam Norman, K. Denzin & Yvonna, S. Lincoln, *Handbook of Qualitative research*, London: Sage Publication, hh. 214-215.

<sup>45</sup> Lihat Qasim Ahmad (2000), *Karya Sejarah: Pendekatan dan Persoalan*, e.2, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 96.

iaitu pada zaman perang salib, zaman kebangkitan dan zaman kolonialisme. Selain itu, metode ini juga digunakan untuk mengkaji persamaan bentuk pemikiran R.O. Winstedt dengan sarjana orientalis terdahulu seperti Snouck Hurgronje, Ignaz Goldziher dan Joseph Schacht. Kajian ini secara tidak langsung akan mengenal pasti elemen khusus dalam pemikiran yang didokong oleh beliau. Pengkaji menggunakan metode ini dalam bab kedua dan ketiga.

### **1.7.3.2 Metode Perbandingan**

Metode ini mengguna pakai pendekatan yang bersifat pertengahan dalam menilai sesuatu perkara. Ianya bertujuan untuk menghasilkan sesuatu kajian yang bersifat adil dan tidak berat sebelah.<sup>46</sup> Setiap maklumat yang diperolehi dianalisa bagi mengelakkan pendekatan *legal formalistic* iaitu menilai sesuatu perkara secara hitam putih dan lebih banyak menghukum daripada membina, tanpa disertakan dengan cadangan yang bersifat konstruktif. Pengkaji menggunakan metode ini adalah untuk mengkaji persamaan pemikiran R.O. Winstedt dengan tokoh orientalis terdahulu, dan menganalisa setiap pandangan beliau berkenaan undang-undang Islam seterusnya membandingkannya dengan pandangan ahli akademik. Pengkaji menggunakan metode ini dalam bab ketiga dan keempat.

---

<sup>46</sup> Abdul Halim Mat Diah (1987), *Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi*, Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin Universiti Malaya, h. 136.

### 1.7.3.3 Metode Analisis Kandungan

Metode ini digunakan sebagai proses penganalisaan data terhadap karya primari dan sekundari berkenaan isu yang menjadi fokus kajian.<sup>47</sup> Melalui metode ini, pengkaji memfokuskan kepada empat karya khusus penulisan R.O. Winstedt iaitu *The Malay: A Cultural History*, *Shaman, Saiva and Sufi: A Study of the Evolution of Malay Magic*, *A History of Malaya* dan *Kitab Tawarikh Melayu*. Metode ini digunakan dalam bab ketiga dan keempat untuk mengetahui dengan jelas bentuk pendekatan kajian yang diamalkan dan pandangan beliau terhadap undang-undang Islam di Tanah Melayu. Hasil dari penganalisaan tersebut, pengkaji membuat kesimpulan bagi keseluruhan kajian dan beberapa cadangan yang boleh diketengahkan untuk tindakan penambahbaikan dalam bab kelima.

---

<sup>47</sup> Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*, Yogyakarta: Yayasan FIK-IKIP, h. 55.